



## TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 42/2023

### KAMI BERSAMAMU PALESTIN

20 Oktober 2023

*Bersamaan*

5 Rabiul Akhir 1445

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَ نَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَّهُ، وَمَنْ يُضْلِلُ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلٰهٌ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَعَاهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلٰي يَوْمِ  
الدّيْنِ،  
أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ،  
إِتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلٰا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

**Sidang jumaat yang dirahmati sekalian,**

Marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dan taat kepadanya.  
Mudah-mudahan kita meraih kejayaan.

Pada hari Jumaat penuh berkat ini, marilah kita memberi perhatian kepada khutbah yang bertajuk :

### **KAMI BERSAMAMU PALESTIN**

**Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,**

Pada hari ini umat Islam di Palestin sedang diganyang oleh Zionis Israel, negara mereka dihujani dengan peluru dan senjata terlarang, sehingga membawa kepada kemusnahan, kecederaan dan kematian yang mencecah ribuan nyawa. Apa yang menyedihkan kita, mangsa-mangsa adalah terdiri daripada anak kecil, wanita, warga emas serta orang awam.

Persoalannya, apakah kita akan terus membisu seribu bahasa tidak bersuara, menghadapi semua kecelakaan ini? Apakah kita rela melihat bumi umat Islam dihancurkan dan Masjidil Aqsa pula dicemari sebegitu rupa?

Apakah kita sekadar melihat saudara-saudara seakidah kita di Palestin terus-menerus menanggung pelbagai penderitaan hidup di bawah penjajahan dan kezaliman? Di manakah nilai ukhuwwah islamiyah kita?

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,**

Apakah kita lupa, bumi yang sedang kita bicarakan ini, bumi yang sedang dinodai ini adalah bumi anbiya', bumi israk dan mikraj, bumi yang menjadi kiblat pertama umat Islam, dan bumi yang Allah isyaratkan sebagai pusat keberkatan? Justeru, ia perlu diperlihara dan dipertahankan.

Firman Allah dalam surah al-Isra', ayat 1:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ لَيَلَّا مِنَ الْمَسِّجِدِ الْأَقْصَى  
الَّذِي بَرَّكَنَا حَوْلَهُ لِنُرِيهِ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ



**Maksudnya:** Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya pada malam hari dari Masjidil haram ke Masjidil Aqsa yang Kami berkat sekelilingnya, untuk diperlihatkan kepadanya tanda kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

Rasulullah saw bersabda:

لَا تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدٍ: مَسْجِدِي هَذَا، وَمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَسْجِدِ  
الْأَقصَى

**Maksudnya:** Tidak perlulah bersungguh-sungguh bermusafir kecuali tiga buah masjid sahaja iaitu: Masjid Nabawi, Masjidil Haram dan Masjidil Aqsa.

(Riwayat al Bukhari dan Muslim)

Hadis ini memberi penekanan betapa pentingnya Masjidil Aqsa di sisi umat Islam yang wajib diperlihara dan dipertahankan sepetimana Masjidil Haram dan Masjid Nabawi.

Selain daripada itu, apakah kita terlupa pesanan Rasulullah SAW tentang tanggungjawab kita terhadap saudara sesama Islam yang sedang ditimpa musibah di bumi Palestin ketika ini. Betapa besarnya ganjaran Allah SWT kepada mereka yang cakna dan menghulurkan apa jua bentuk bantuan atau sumbangan untuk saudara seagama.

Sabda Rasulullah SAW:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ، وَلَا يُسْلِمُهُ. وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ.  
كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ. وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً، فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرُبَاتِ  
يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

**Maksudnya:** Seorang muslim itu adalah saudara kepada muslim yang lain. Dia tidak akan menzaliminya dan tidak membiarkannya dizalimi orang lain. Dan sesiapa yang menyampaikan hajat saudaranya, maka Allah akan menyampaikan hajatnya. Dan sesiapa yang meringankan kesusahan seorang muslim, maka Allah akan meringankan kesusahannya di hari kiamat..

(Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim)

### **Muslimin yang dikasihi**

Kemenangan Islam di bumi Palestin pasti berlaku di akhir zaman. Ini berdasarkan kepada hadis Nabi saw yang bermaksud :

“Akan sentiasa ada sekumpulan daripada umatku yang istiqamah berpegang dengan agama, gagah mengalahkan musuh dan tidak pula boleh digugat oleh penentang mereka, sehingga datangnya ketentuan Allah. Mereka bertanya: Di manakah mereka wahai Rasulullah saw? Baginda saw menjawab : “ Di Baitul Maqdis dan di pinggiran Baitul Maqdis. ”

(Riwayat al Thabari dan Ahmad)

Di samping hadis tersebut, Baginda saw juga membawa khabar gembira kemenangan umat Islam di Baitul Maqdis dalam peristiwa akhir zaman. Sabda Rasulullah saw yang bermaksud: “Tidak berlaku kiamat sehingga kaum muslimin akan berperang dengan Yahudi. Mereka akan dibunuh oleh kaum muslimin sehingga si yahudi terpaksa bersembunyi di belakang batu dan pohon kayu. Sehingga batu dan pohon kayu berkata: Wahai muslim! Wahai Hamba Allah! Ini dia Yahudi di belakangku, datang bunuhlah dia. Semua pohon akan berkata-kata kecuali pohon Gharqad kerana ianya pohon Yahudi.”

(Riwayat al Bukhari dan Muslim)

Demikianlah kisah pertarungan terakhir antara muslimin dan Yahudi. Berdasarkan ayat al-Quran dan hadis yang dibacakan tadi, serta musibah yang sedang berlaku di Palestin, apakah tidak tergerak sedikitpun iman kita untuk bangkit mempertahankan Baitul Maqdis?

Jika tubuh badan tidak boleh sampai ke sana, maka janganlah pula tidak ada sebarang bentuk bantuan dan sokongan kepada saudara kita di Palestin. Justeru, mimbar pada hari ini menyeru seluruh umat Islam untuk sama-sama memperbanyakkan berdoa dan solat hajat agar Allah SWT memberi kekuatan, ketabahan dan kemenangan kepada rakyat Palestin.

Di samping itu, sumbangan derma juga sangat dialu-alukan bagi meringankan kesengsaraan mangsa yang dizalimi. Sumbangan tuan-tuan bolehlah disalurkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu melalui pihak pengurusan masjid di seluruh negeri.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَذِنْ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ كَبَّا نَهَمُ ظُلْمًا وَإِنَّ اللّٰهَ عَلَى نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ  
٣٩

**Maksudnya:** Diizinkan berperang bagi orang yang diperangi, sebab mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkusa untuk menolong mereka.

(Surah al-Hajj: Ayat 39)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Muslimin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Kehidupan di dunia ini perlu kepada interaksi antara satu sama lain. Tidak ada orang yang mampu mengurus kehidupan tanpa penglibatan orang lain. Itulah sunnatullah dalam kehidupan. Justeru, pereratkanlah hubungan sesama manusia dengan saling menghormati, sayang menyayangi dan bantu-membantu antara satu sama lain. Mudah-mudahan kesatuan umat Islam akan lebih kukuh dan kesejahteraan akan dapat dikecapi bersama.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْمِيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةٌ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا سَلِيمًا ٥٦

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٌ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ حُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفُعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرُفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ  
مَرْضَانَا وَارْحُمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَّلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، إِبْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاه، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَكَانُو.

وَاحْفَظْ أُولَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَعْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ إِبْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ مِيزَانَ  
زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

**اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِلِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينَ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينٍ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.**

### **Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim.**

Perbaikilah hubungan sesama kami dengan penuh kasih sayang. Limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami ketenangan dan kebahagiaan, Semangat muafakat dalam kejiranan, Para remaja yang teguh iman, tinggi ilmu dan mulia akhlaknya.

### **Ya Allah,**

Kami pohon kehadrat-Mu agar mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan jadikanlah kami sentiasa istiqamah dalam melaksanakan segala perintah-Mu.

### **Ya Allah,**

Perkuatkan perpaduan umat Islam di negeri Terengganu. Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa juar kemurkaan-Mu.

**آمين يا الله، يا أرحم الراحمين**

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أُذْكُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.